

KOD ETIKA AHLI AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PINDAAN 2013)

1.0 PENDAHULUAN

a) Penguatkuasa

Kod Etika Ahli Akademik ini merupakan penambahbaikan terhadap Kod Etika Ahli Akademik Edisi 2010 yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-45 yang bersidang pada 2 Disember 2010.

Tarikh kuat kuasa pemakaian Kod Etika Ahli Akademik (Pindaan 2013) adalah pada tarikh ianya diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

b) Pengenalan

Universiti diwujudkan untuk memenuhi keperluan masyarakat, khususnya dalam aktiviti keilmuan seperti pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, persidangan, perundingan dan sebagainya. Pencapaian sesebuah universiti dalam bidang-bidang ini akan menjadi mercu tanda kecemelangan sesuatu masyarakat itu. Dengan autonomi yang diberikan kepada Universiti dalam pentadbiran untuk menjana, mendorong dan memantapkan kegiatan keilmuan, peraturan dan garis panduan adalah penting untuk mewujudkan suatu iklim keilmuan dan budaya keserjanaan yang berintegriti dan harmoni. Kelancaran menjalankan aktiviti ilmiah ini memungkinkan kemajuan dan pengembangan ilmu serta meningkatkan prestasi dan mutu universiti.

c) Tujuan

Kod etika ini digubal sebagai garis panduan dan amalan kepada semua warga ahli akademik UMS untuk mengenalpasti isu etika semasa menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan ke arah memupuk suatu suasana yang positif dan bersifat profesional. Sebagai warga yang amat penting dalam komuniti universiti, semua ahli akademik perlu peka dan mematuhi polisi, piawaian, perundangan dan peraturan yang menjadi garis panduan dalam kerja.

Ahli akademik adalah bertanggungjawab dalam mengekalkan piawaian etika universiti dan berpegang teguh kepada nilai-nilai murni seperti integriti, objektiviti, kejujuran dan kesaksamaan dan bertekad mengintegrasikannya dalam penganjuran dan penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, persidangan, perundingan dan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pekerja bagi mendokong sebarang aktiviti-aktiviti ke arah meningkatkan prestasi dan mutu universiti.

Tata kelakuan ini adalah menjadi pegangan dan amalan yang akan menampilkan ciri-ciri kursus warga ahli akademik universiti ketika melaksanakan tugas dalam pelbagai keadaan, selaras dengan pekeliling-pekeliing kerajaan, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), Perlembagaan Universiti, Manual Kualiti MS ISO, Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja yang terkini.

d) Takrifan

Etika merujuk kepada tanggungjawab dan kesan tingkah laku dan profesion seseorang kepada masyarakat.

Kod etika adalah suatu pernyataan komitmen untuk menyokong etika dan piawaian profesion mahupun peraturan dan perundangan yang digunakan sebagai asas dalam tingkah laku dan membuat keputusan dari semasa ke semasa.

Ahli akademik bermaksud seseorang yang mempunyai kelayakan dan pengkhususan latihan dalam disiplin akademik yang pelbagai. Ia merangkumi kakitangan akademik samada berstatus tetap/kontrak/semntara yang bekerja sebagai tenaga pengajar atau penyelidik termasuk Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Felo, Guru Bahasa dan Tutor di UMS.

2.0 ETIKA AHLI AKADEMIK

2.1 Pengajaran dan Penyelidikan

Tugas pengajaran ahli akademik mencakupi pelaksanaan dan pengendalian sesuatu kursus atau program akademik yang telah diluluskan oleh universiti. Tugas pengajaran seseorang ahli akademik merujuk kepada satu atau lebih daripada perkara berikut:

- (a) merekabentuk kurikulum;
- (b) menegndalikan kuliah;
- (c) mengendalikan tutorial;
- (d) mengendalikan seminar;
- (e) merancang dan mengendalikan kelas amali;
- (f) merancang dan mengendalikan kerja lapangan;
- (g) menyelia latihan praktikal/industri/klinikal;
- (h) menyelia latihan mengajar;
- (i) mentaksir pencapaian pelajar;
- (j) menilai kursus, termasuk pencapaian hasil pembelajaran kursus;
- (k) menyelia latihan ilmiah/tesis/disertasi pelajar; dan
- (l) tugas-tugas lain yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang dapat meningkatkan mutu kursus mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan seumpamanya.

i. Tugas, tanggungjawab dan etika dalam pengajaran dan penyelidikan

(a) Umum

- i. Menuntut kebenaran dan menyampaikannya kepada masyarakat, khususnya kepada pelajar semi kemajuan ilmu pengetahuan.
- ii. Menampilkan dedikasi yang tinggi dalam memperkembang dan memajukan ilmu pengetahuan, terutamanya bidang pengkhususannya sendiri serta memantapkan lagi tradisi keserjanaan.
- iii. Menyemai semangat pembelajaran dan kecintaan yang mendalam terhadap ilmu dan kebenaran dalam sanubari pelajar.
- iv. Mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti yang menjejaskan profesion sebagai ahli akademik.
- v. Bersikap profesional ketika berhubung dengan penduduk tempatan dalam urusan akademik seperti semasa melakukan amali atau kerja lapangan.

- vi. Menyedari bahawa tugas pengajaran adalah satu amanah suci dan profesion yang amat mulia di sisi Tuhan dan masyarakat.
- (b) Sahsiah
- i. Menyedari bahawa kewibawaan dan kemajuan sesuatu disiplin ilmu bergantung besar kepada kualiti keserjanaan ahli-ahli akademik yang mengkhususnya.
 - ii. Menjalani hubungan profesion yang tulen dengan semua ahli akademik yang lain, saling hormat-menghormati, bertoleransi dan saling melengkapi antara satu sama lain demi mewujudkan sebuah masyarakat akademik yang progresif.
 - iii. Menjalani hubungan akademik yang interaktif dan komunikatif dengan pelajar pada batasan tertentu serta menghormati hak pelajar sebagai individu yang perlu mendapat bimbingan dengan tidak bersikap emosional.
 - iv. Mengutamakan tugas pengajaran lebih daripada tugas-tugas lain kerana tugas utama ahli akademik ialah menyampaikan pelajaran kepada pelajar.
 - v. Mengambil inisiatif-inisiatif yang sesuai untuk membentuk, memelihara dan seterusnya mewariskan nilai-nilai murni masyarakat akademik melalui teladan yang baik di dalam kegiatan akademiknya dan menerusi persekitaran pembelajaran yang diwujudkan. Antara nilai-nilai murni tersebut termasuklah menghormati kewibawaan dan objektiviti akademik, keserjanaan, kejujuran ilmiah dan semangat berbeza pendapat yang sihat.
 - vi. Mengelakkan diri daripada menggunakan pelajar-pelajar untuk keperntingan diri.
 - vii. Menjadi modal kepada pelajar dengan penampilan dari kemas, sopan dan berkeyakinan.
 - viii. Menyediakan satu suasana pengajaran dan penyeliaan yang bebas daripada gangguan seks dan ugutan kepada mana-mana pihak.
- (c) Pengajaran dan penyeliaan
- i. Menggunakan cara terbaik menyebarkan ilmu untuk mendidik generasi muda dan masyarakat umum serta menggalakkan pertumbuhan ilmu.
 - ii. Sentiasa memikirkan cara untuk meningkatkan mutu pengajaran dan penyeliaan supaya lebih efektif, inovatif dan produktif.
 - iii. Memastikan setiap kursus atau program akademik yang telah dipertanggungjawabkan dilaksanakan dengan lancar mengikut jadual.
 - iv. Menyediakan bahan-bahan pengajaran lebih awal dengan lengkap, teratur dan mudah difahami.
 - v. Menunaikan tugas pengajaran dan penyeliaan dengan adil dan berwibawa dan mengambil kira kebolehan, tahap kemahiran dan motivasi yang berbeza-beza di kalangan pelajar-pelajarnya.

- vi. Mengajar dan menyelia dalam bidang kepakarannya dan /atau yang berkaitan.
 - vii. Menyampaikan ilmu dan maklumat yang benar dan tepat kepada pelajar dengan cara yang objektif dan tidak menyingung perasaan mana-mana kakitangan atau ahli akademik lain.
- (d) Pengajaran dan penyeliaan
- i. Menerangkan silibus dan kriteria penilaian kursus secara jelas dan mudah difahami untuk membolehkan pelajar mengetahui apa yang perlu mereka lakukan.
 - ii. Menyediakan, menyelia, memeriksa dan menilai kursus secara keseluruhan mengikut jangka masa yang ditetapkan.
 - iii. Tidak sengaja melengah-lengahkan kerja-kerja penilaian, terutamanya pemarkahan skrip sehingga mengakibatkan pemberian keputusan akademik tergendala.
 - iv. Bersikap adil dan jujur semasa membuat penilaian kursus atau program selaras dengan dasar, prinsip dan prosedur penilaian yang telah ditetapkan.
 - v. Memastikan setiap tugas yang dinilai adalah hasil kerja pelajar dan ia bebas daripada sebarang bentuk ketidakjujuran akademik.

ii. Perilaku yang melanggar etika (pengajaran dan penyeliaan)

Berikut adalah contoh-contoh kesalahan/pelanggaran etika dalam aspek pengajaran dan penyeliaan:

- i. Memberi markah kepada tugas akademik pelajar tanpa berpandukan kepada kriteria dan skema penilaian yang telah ditetapkan.
- ii. Tidak dapat menyempurnakan kursus atau program yang telah dipertanggungjawabkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- iii. Membocorkan soalan peperiksaan sama ada memberitahu pelajar akan soalan peperiksaan dengan nyata atau berisyarat.
- iv. Membocorkan markah peperiksaan akhir yang belum disahkan oleh Senat Universiti.
- v. Melakukan penganiayaan seperti melengah-lengahkan penyeliaan dan pemeriksaan tesis/disertasi atau menggagalkan pelajar tanpa justifikasi yang kukuh.
- vi. Menggunakan bahan pengajaran Universiti untuk tujuan dan kepentingan peribadi .
- vii. Meluluskan atau menggagalkan pelajar tanpa sebarang asas penaksiran yang sewajarnya.
- viii. Mempunyai hubungan yang intim dengan pelajar.

2.2 Penyelidikan

Istilah penyelidikan meliputi semua kerja penyelidikan seperti perancangan, pelaksanaan, pembiayaan dan pengdokumentasian hasil dalam bentuk laporan , penerbitan dan sebagainya yang dilakukan oleh ahli akademik atau pelajar universiti, sama ada di dalam atau luar negara, sama ada secara bersendirian atau berkelompok (anggota universiti atau luar universiti dan dalam atau luar negara) dan sama ada secara persendirian ataupun ditaja

oleh pihak tertentu seperti menerusi peruntukan penyelidikan universiti atau geran penyelidikan dari luar universiti.

i. Tugas, tanggungjawab dan etika dalam penyelidikan

- (a) Dalam perancangan apa-apa aktiviti penyelidikan, ahli akademik mestilah sedar dan peka kepada prinsip-prinsip etika yang bersesuaian dan tertakluk kepada Etika Ahli Akademik UMS serta etika profesion masing-masing. Ahli akademik juga mestilah memastikan agar pelaksanaan penyelidikan adalah mematuhi kehendak-kehendak-kehendak tersebut.
- (b) Ahli Akademik mestilah berusaha menjalinkan kegiatan penyelidikan yang dapat membantu meningkatkan keilmuan dan keserjanaan sepanjang kerjaya akademiknya dan dapat menyumbang kepada kebaikan, pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.
- (c) Dalam menjalankan penyelidikan, keutamaan aktiviti mestilah diberikan kepada bidang pengkhususan dan kepakaran seseorang ahli akademik. Bagaimanapun bidang lain yang berkaitan dengan kepakarannya juga digalakkan terutama yang dapat memperkembangkan lagi budaya penyelidikan bidang tersebut.
- (d) Pematuhan etika penyelidikan adalah menjadi tanggungjawab penyelidik utama dan juga penyelidik-penyelidik lain (termasuk pelajar) yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Semua penyelidik adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang tindakan yang mungkin timbul hasil daripada penyelidikan tersebut.
- (e) Semua kegiatan penyelidikan yang dirancang (melalui semua langkah perancangan, pelaksanaan, pembiayaan, pendokumentasian hasil kajian dan aplikasi hasil kajian) mestilah diusahakan dan ditunaikan dengan penuh rapi, tanggungjawab, dedikasi dan jujur serta selamat selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan lain-lain yang berkaitan.
- (f) Mengemukakan maklumat dan data kajian yang betul, benar, sahih dan lengkap yang boleh diulangi oleh penyelidik lain yang berkelayakan.
- (g) Membuat penafsiran data secara ilmiah, tanpa unsur-unsur penyelewengan fakta.
- (h) Memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumbangan orang lain (dalam bentuk idea, maklumat, material atau kerja) didalam apa saja bentuk pendokumentasian hasil penyelidikan dan menurut amalan keserjanaan yang lazim.
- (i) Jika melibatkan manusia dan haiwan sebagai subjek kajian, ahli akademik bertanggungjawab sepenuhnya terhadap subjek tersebut sepanjang masa kajian, tertakluk kepada mana-mana etika yang berkaitan dengan penggunaan manusia dan haiwan sebagai subjek kajian.
- (j) Menggunakan peruntukan sumber (kewangan dan manusia) dan prasarana penyelidikan dengan penuh amanah, jujur dan dengan cara yang wajar mengikut syarat-syarat yang persetujuan bersama.
- (k) Mematuhi semua undang-undang dan peraturan seperti yang tersenarai didalam Peraturan Penyelidikan UMS.
- (l) Berusaha dan membantu universiti untuk mewujudkan pusat kecemerlangan penyelidikan dengan budaya penyelidikan berkelompok yang sihat di samping mempelbagaikan sumber pembiayaan penyelidikan.
- (m) Sentiasa memupuk dan memperkembangkan budaya penyelidikan di kalangan semua kategori (pra siswazah dan pascasiswazah) dengan sentiasa memberi bimbingan dan penyeliaan sewajarnya, dengan penuh jujur dan tanggungjawab.

- (n) Berusaha dan sentiasa menjalan hubungan keilmuan dengan individu di dalam dan di luar nUniversiti ataupun institut lain yang terkenal dalam bidang berkaitan.
- (o) Memaklumkan kepada Universiti untuk persetujuan tentang tawaran hadiah atau peruntukan atau geran penyelidikan dari sumber luar, dan sebarang perjanjian penyelidikan dengan pihak luar.

ii. Perilaku yang melanggar etika (penyelidikan)

Berikut adalah contoh-contoh kesalahan/pelanggaran etika dalam asas penyelidikan:

- (a) Memalsukan nama penyelidik dengan cara:
 - Memasukkan namanya atau membenarkan namanya dimasukkan di dalam senarai penyelidik yang dirinya tidak terlibat secara langsung.
 - Menawarkan dirinya sebagai penyelidik utama dalam penyelidikan yang dirinya tidak terlibat secara langsung.
- (b) Melakukan pecah amanah dan/atau mungkir janji dengan cara:
 - Menyalahguna kepercayaan yang diberikan kepadanya berkaitan dengan projek penyelidikan yang dijalankan.
 - Mungkir janji dengan manusia/kumpulan manusia, institusi, organisasi atau negara yang ada kaitan dengan kegiatan penyelidikan yang dilaksanakan.
- (c) Melakukan pemalsuan semasa membuat pencerapan/pemerhatian untuk mengumpul data, perakaman atau merekod data/maklumat, komputerasasi dan pentafsiran data/hasil penyelidikan seperti:
 - Mencipta dan mereka-reka data.
 - Memalsukan data untuk apa jua tujuan.
 - Bersubahat dalam apa jua kegiatan penipuan data.
- (d) Melakukan plagiarisme, terutama dalam hal-hal berkaitan penerbitan hasil penyelidikan.
- (e) Melakukan perbuatan pengkhianatan seperti:
 - Menggagalkan projekatau kerja penyelidikan orang lain dengan hasad dengki.
 - Manjual hasil penyelidikan kepada pihak luar tanpa merujuk kepada pihak universiti.
- (f) Menyalahgunakan atau mengeksplotasi pelajar untuk kepentingan diri sendiri.

2.3 Penerbitan

Istilah penerbitan bermaksud semua jenis karya ilmiah atau saintifik seperti ulasan buku, laporan yang diterbitkan dalam bentuk bahan bercetak seperti jurnal, buku, ensiklopedia, majalah, akhbar dan seumpamanya. Ia juga meliputi bentuk rakaman data, maklumat dan hasil kajian ilmiah seperti bahan kuliah, program perisian, prosiding seminar/persidangan, dokumentari, panduan amali yang tersimpan, dan boleh disiarkan kepada masyarakat umum.

i. Tugas, tanggungjawab dan etika dalam penerbitan

- (a) Menerbitan penemuan-penemuan penyeliidikan secara berterusan dalam bidang kepakaran masing-masing. Penerbitan ini harus objektif, berkualiti, eimbang dan disokong dengan fakta yang kukuh.
- (b) Menerbitkan karya melalui proses penyeringan ilmiah, iaitu diwasit, sama ada melalui media elektronik atau bukan elektronik.

- (c) Hanya menerbitkan bahan (rencana, makalah, kertas ilmiah atau buku) yang telah diselidik sendiri atau bersama rakan lain.
- (d) Tidak mereka-reka maklumat atau memalsukan hasil kajian dalam penerbitan, serta tidak memutarbelitkan data untuk menyokong kesimpulan tertentu.
- (e) Tidak menerbitkan sebarang bentuk penerbitan sekiranya sudah diterbitkan. Penggunaan data yang telah diterbitkan dalam bahan penerbitan seterusnya perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu.
- (f) Mengambil langkah sewajarnya untuk memperbetulkan segala kesilapan sekiranya mereka mendapati telah menerbitkan data yang tidak betul.
- (g) Mengambil kira sumbangan profesional setiap individu yang terlibat dalam penyelidikan, tanpa mengira status kepegawaian seseorang individu, semasa menyenarai penulis utama karya.
- (h) Sewajarnya memberi pengiktirafan kepada pelajar sebagai penulis bersama dengan penulis lain sekiranya penerbitan itu adalah berdasarkan kepada tesis pelajar.
- (i) Mengiktiraf dan menghormati karya atau data pengkaji lain dalam penerbitan melalui proses rujukan yang biasa. Prinsip penjagaan hak harta intelek orang lain perlu diamalkan.
- (j) Menggunakan idea atau fakta orang lain dalam konteks yang betul dan objektif dan memberi pengiktirafan.

ii. Perilaku yang melanggar etika (penerbitan)

Berikut adalah contoh-contoh kesalahan/pelanggaran etika dalam aspek penerbitan:

- (a) Menerbitkan data atau hasil penyelidikan orang lain di atas nama dirinya sebagai pengarang tanpa memberi pengiktirafan kepada penyelidik asal.
- (b) Menterjemahkan karya orang lain dari satu bahasa ke bahasa lain sama ada seluruh atau sebahagian sahaja dan kemudian mempersembahkan hasil terjemahan itu dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sebagai karyanya sendiri.
- (c) Menukar nama pengarang pada kertas ilmiah atau sebarang penerbitan lain kepada nama dirinya.
- (d) Menerbitkan data atau hasil penyelidikan yang didapati menerusi kerja usahasama dengan orang lain atas nama dirinya sebagai pengarang tunggal tanpa pengetahuan dan persetujuan dari rakan-rakannya.
- (e) Menggunakan kedudukannya untuk memaksa namanya dimasukkan dalam senarai pengarang bersama sebuah karya penerbitan sedangkan dia tidak memberi apa-apa sumbangan yang melayakkannya sebagai pengarang bersama.

2.4 Persidangan

Persidangan merupakan satu kegiatan pelbagai dimensi yang seharusnya boleh memberi sumbangan kepada kegiatan ilmu, yakni peserta turut mendidik dan mendidik bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran serta didorong untuk membuat penyelidikan, menghasilkan penerbitan dan mungkin boleh dianggap sebagai pakar yang boleh diberi kerja-kerja perundingan. Kegiatan persidangan termasuklah seminar, simposium, kolokium, bengkel, siri pembentangan dan sebagainya.

Ahli akademik perlu menyedari betapa pentingnya penyertaan di dalam seminar, persidangan dan seumpamanya kepada kerjaya akademiknya, termasuk peluang baik

untuk menjalinkan hubungan akademik dan keserjanaan dengan ilmuan akademik antarabangsa.

i. Tugas, tanggungjawab dan etika dalam persidangan

- (a) Mencari peluang menghadiri persidangan dalam dan luar negara secara aktif dan produktif sama ada dengan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti atau penaja luar.
- (b) Ahli akademik yang kanan haruslah membantu ahli muda dan memberi mereka peluang menyertai persidangan terutama di peringkat antarabangsa.
- (c) Melibatkan diri dalam menganjurkan persidangan dalam bidang kepakarannya dan yang berkaitan.
- (d) Menyerahkan satu salinan kertas-kertas atau bahan-bahan penerbitan lain yang diterima semasa persidangan kepada universiti.
- (e) Menyediakan kertas kerja persidangan yang sempurna serta menampilkan kepakarannya. Ini bertujuan untuk menjaga dan menaikkan imej universiti.
- (f) Berkongsi dengan ahli akademik universiti mengenai maklumat dan pendapat persidangan yang dihadapinya.
- (g) Mengamabil tindakan susulan untuk menjalinkan hubungan akademik atau profesional yang lebih rapat dengan peserta-peserta dan institusi-institusi lain yang boleh memanfaatkan universiti.
- (h) Memaklumkan kepada universiti sebarang tawaran yang diterimanya dari luar universiti untuk membiayai penyertaannya di dalam mana-mana persidangan sama ada sebahagian atau seluruh perbelanjaannya.
- (i) Menampilkan sahsiah yang baik demi menjaga imej universiti.

ii. Perilaku yang melanggar etika (persidangan)

Adalah menjadi sesuatu kesalahan/pelanggaran etika bagi seseorang ahli akademik sekiranya dia melakukan mana-mana perbuatan berikut:

- (a) Menghadiri mana-mana persidangan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak universiti.
- (b) Menyalahgunakan kelulusan menghadiri persidangan dengan menyertai atau melakukan aktiviti yang tidak berkaitan dengan persidangan berkenaan.
- (c) Menerima dana daripada universiti untuk membenteng kertas di persidangan tetapi tidak membuat pembentangan kertas tersebut.
- (d) Membentangkan kertas kerja di persidangan rasmi lebih daripada sekali dengan tajuk dan data atau hasil penyelidikan yang sama.
- (e) Membentangkan kertas kerja tanpa pengetahuan atau persetujuan penyelidik bersamanya.
- (f) Membenteng kertas kerja menggunakan data atau hasil penyelidikan orang lain atas nama dirinya.
- (g) Gagal memaklumkan kepada pengurusan universiti penerimaan bantuan kewangan dari mana-mana pihak luar universiti bagi tujuan membiayai sebahagian atau seluruh perbelanjaan persidangan yang hendak dihadapinya.
- (h) Melakukan sesuatu yang bertentangan dengan mana-mana peraturan UMS berkaitan dengan menganjur dan menghadiri persidangan.
- (i) Menganjurkan persidangan tanpa kelulusan pihak universiti.
- (j) Menganjurkan persidangan yang membabitkan isu yang boleh menjejaskan nama universiti.

2.5 Perundingan

Perundingan dapat diertikan sebagai suatu kegiatan ilmu merujuk kepada aktiviti seorang individu, sesebuah badan atau syarikat yang menjalankan urusan penyampaian ilmu kemahiran atau kepekarannya dalam bidang-bidang khusus kepada pihak yang memerlukan. Ini boleh dilaksanakan sama ada secara percuma atau dengan mengenakan bayaran.

i. **Tugas, tanggungjawab dan etika perundingan**

- (a) Setiap ahli akademik hendaklah mempunyai kesedaran mandalam akan kepentingan perundingan sebagai aktiviti ilmu yang boleh memajukan bidang ilmu itu sendiri. Bahkan, ahli atau kakitangan akademik juga seharusnya berusaha memajukan Universiti Malaysia Sabah sebagai pakar rujukan dalam pelbagai bidang dengan mempertingkatkan aktiviti perundingan.
- (b) Ahli akademik harus berusaha mempelbagaikan ilmu pengetahuan dan kepakaran masing-masing supaya setiap kakitangan universiti dapat membentuk daya saing yang tinggi dalam bidang perundingan.
- (c) Menyesuaikan bidang perundingan dengan kepakarannya.
- (d) Dalam menjalankan setiap perundingan ahli akademik hendaklah amanah, jujur, cekap dan bersikap terbuka. Pada masa yang sama dapat mematuhi segala perjanjian perundingan dan menjauhi segala bentuk penyelewengan demi menjaga nama baik Universiti.
- (e) Setiap ahli akademik yang menjalankan perundingan hendaklah menjauhkan diri daripada sebarang bentuk plagiarisme.
- (f) Sebarang perundingan yang melibatkan penyelidikan haruslah mematuhi syarat sepertimana yang terkandung dalam Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah.
- (g) Semua bentuk pembayaran antara mana-mana pihak, sama ada penyelidikan dengan organisasi/institusi luar atau/dengan Universiti Malaysia Sabah hendaklah berpatutan dan mendapat persetujuan bersama.

ii. **Perilaku yang melanggar etika (perundingan)**

Kesalahan etika perundingan berlaku sekiranya seseorang ahli akademik melakukan perkara-perkara berikut:

- (a) Menjalankan kerja-kerja perundingan tanpa mendapat kebenaran daripada pihak universiti, lebih-lebih lagi kerja perundingan itu dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan peralatan yang disediakan oleh universiti.
- (b) Tidak menunaikan amanat /kerja berdasarkan terma rujukan yang telah dipersetujui.
- (c) Memberi keutamaan yang lebih kepada kerja-kerja perundingan daripada tanggungjawab pengajaran, perjumpaan dengan pelajar dan lain-lain perkhidmatan pengurusan yang perlu diutamakan untuk kepentingan sekolah/universiti, pelajar dan pihak pengurusan.
- (d) Melibatkan diri dengan projek-projek perundingan yang boleh menjejaskan kepentingan universiti dan negara. Contohnya memberi khidmat kepakaran kepada negara asing atau orang asing tanpa pengetahuan pihak universiti dan negara, sedangkan kegiatan itu boleh

menjejaskan kepentingan ekonomi, sosial, keselamatan dan ketenteraman negara.

- (e) Pendapatan kewangan hasil daripada perundingan tidak dilaporkan kepada pihak universiti, lebih-lebih lagi, kerja perundingan itu dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan peralatan yang disediakan oleh universiti.
- (f) Ketua perunding tidak mengagihkan pendapatan kewangan hasil daripada perundingan di antara ahli dengan adil seperti mana yang dipersetujui.
- (g) Membongkar maklumat sulit hasil daripada perundingan kepada pihak luar.

2.6 Penglibatan dalam aktiviti anjuran universiti/jabatan/sekolah/pusat/institusi/unit

Pelbagai aktiviti dianjurkan oleh universiti dan pihak Jabatan/Sekolah/Pusat/Institut/Unit (JSPIU). Di antara aktiviti yang mengisi kalendar aktiviti universiti adalah Amanat Naib Canselor, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Minggu Suai Mesra (MSM) dan sebagainya. Selain itu, pihak JSPIU juga menganjurkan aktiviti-aktiviti di peringkat masing-masing.

Ahli akademik perlu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan samada diperingkat universiti, jabatan, sekolah, pusat, institut, unit dan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pekerja bagi mendokong sebarang aktiviti-aktiviti ke arah meningkatkan prestasi dan mutu universiti. Penglibatan ahli akademik membantu usaha universiti ke arah pembangunan universiti sebagai sebuah institusi masyarakat yang unggul, progresif dan terkemuka.

Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan memberi peluang kepada ahli akademik untuk:

- (a) Berkongsi ilmu/ mengembangkan ilmu.
- (b) Merapatkan hubungan silaturahim antara semua golongan di universiti.
- (c) Membentuk sikap nilai murni, dan integriti dalam melahirkan warga universiti yang harmoni dan dinamik.
- (d) Mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan, hormat menghormati di kalangan staf UMS sekaligus dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

i. Perilaku yang melanggar etika (penglibatan dalam aktiviti anjuran universiti/jabatan/sekolah/pusat/institusi/unit)

Adalah menjadi satu kesalahan/pelanggaran etika bagi seseorang ahli akademik sekiranya dia melakukan mana-mana perbuatan berikut:

- (a) Tidak menghadiri aktiviti-aktiviti atau majlis-majlis utama di peringkat JSPIU tanpa sebarang sebab yang munasabah.
- (b) Tidak memberi komitmen sepenuhnya dalam tugas yang diberikan dalam jawatankuasa tertentu atau tugas-tugas yang diberi bagi menjayakan aktiviti-aktiviti JSPIU.
- (c) Cuai dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan untuk kelancaran aktiviti atau majlis yang dianjurkan.
- (d) Tidak memberi kerjasama dalam kerja berpasukan
- (e) Membongkar rahsia atau maklumat sulit semasa penglibatan dalam aktiviti-aktiviti JSPIU.

2.7 Umum

Seseorang ahli akademik juga dianggap telah melanggar etika akademik jika melakukan perkara-perkara berikut:

- i. integriti peribadi
 - menghasut mana-mana kakitangan universiti
 - melibatkan diri dalam parti politik
 - memalsukan dokumen
- ii. menokok tambah maklumat latar diri (Curriculum Vitae)
 - mengubah urutan penulis bagi artikel
 - mengaku sebagai ketua penyelidik
 - mengubah peranan dalam persidangan
 - memalsukan peranan sebagai penyelia
- iii. membuat sesuatu perkara yang membelakangkan kepentingan universiti
 - menghantar aduan kepada pihak luar tanpa merujuk kepada pihak universiti terlebih dahulu.
- iv. menerbitkan artikel yang menjejaskan nama baik dan kepentingan universiti.
- v. Mengeluarkan kenyataan kepada pihak luar mengenai perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan bidang kepakaran.
- vi. Terlibat dengan perkara berkenaan penggunaan laman-laman web yang tidak dibenarkan.

3.0 PENUTUP

Sebagaimana telah dinyatakan, penggubalan Kod Etika Ahli Akademik ini wujudkan berasaskan kepada beberapa tujuan. Pertama untuk dijadikan panduan kepada para ahli akademik mengenai perilaku sewajarnya diikuti semasa menjalankan tugas mereka. Kedua kod etika ini juga boleh dianggap sebagai satu dokumen penting yang menentukan perkembangan serta kemajuan profesion seseorang ahli akademik di universiti. Selain itu kod etika diwujudkan dengan tujuan untuk menjaga kepentingan pelajar, masyarakat umum serta golongan akademik yang menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi serta berdisiplin.

Dari sudut lain, kod etika ini penting kerana ia bukan sahaja menjadi mekanisme untuk mengawal, memelihara dan menjaga kemuliaan profesion akademik di universiti tetapi juga bertujuan untuk membimbing ahli akademik agar menjalankan kerja-kerja beretika atau amanah. Kod etika ini juga diadakan dengan tujuan supaya ahli akademik memahami bidang tugas serta tanggungjawab masing-masing mengikut bidang-bidang yang disediakan.

Ahli akademik yang didapati tidak mematuhi kod etika ini, boleh dikenakan tindakan disiplin di atas mengingkar perintah di bawah Akta 605. Perkara ini juga diambil kira semasa proses kenaikan pangkat.